

# KEBERKESANAN LATIHAN TVET DAN BANTUAN MODAL PERALATAN KEPADA GOLONGAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN DALAM PENINGKATAN PENDAPATAN DI NEGERI PAHANG

*(Effectiveness of TVET Training and Equipment Capital Assistance to Asnaf Groups in Increase of Income in Pahang)*

Abdul Rahman Talib<sup>1\*</sup>, Hasan Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Pahang

\*Pengarang Koresponden: [manmuip@yahoo.com.my](mailto:manmuip@yahoo.com.my)

Accepted: 1 May 2019 | Published: 15 May 2019

---

**Abstrak:** *Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) iaitu Lembaga Zakat dan Baitulmal Negeri adalah merupakan agensi di peringkat negeri yang bertanggungjawab dalam urusan kutipan agihan zakat di Malaysia. Antara fungsi utama agensi zakat di Malaysia ialah mengagihkan bantuan zakat kepada 8 golongan asnaf termasuk fakir dan miskin. Menurut Statistik Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), kutipan zakat tahun 2015 seluruh Malaysia adalah sebanyak RM2,649,220,187.34 manakala agihan sebanyak RM2,748,748,491.33 Di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), agihan zakat 2015 untuk asnaf fakir dan miskin adalah sebanyak RM27,2877,499 berbanding dengan jumlah kutipan sebanyak RM 118,082,517.70. Antara tujuan agihan tersebut adalah melaksanakan program menjana pendapatan asnaf melalui penyediaan program latihan kemahiran dan vokasional (TVET) seperti kemahiran dalam jahitan, dandan, masakan, pertukangan besi, elektrik dan pelbagai lagi kursus. Selain itu, MUIP turut memberikan bantuan modal peralatan seperti motosikal roda tiga, mesin jahit, oven dan sebagainya. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan golongan asnaf walaupun tidak dapat menurunkan jumlah fakir dan miskin secara mendadak. Malah terdapat di antara peserta yang menyertai program telah keluar daripada golongan asnaf dan memperolehi pendapatan sehingga RM 20,000.00 sebulan. Oleh itu, kajian ini akan mengemukakan penemuan keberkesanan hasil daripada latihan TVET dan bantuan modal peralatan kepada asnaf fakir dan miskin di Negeri Pahang berdasarkan kepada pemerhatian dan temu bual bersemuka dengan peserta program latihan TVET dan penerima bantuan modal peralatan. Hasil kajian ini, diharapkan akan membantu MUIP dalam menangani kemiskinan dan juga penyediaan program menjana pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin di Negeri Pahang.*

**Kata kunci:** Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Agensi Mengurus Zakat (AMZ), Zakat, Latihan Kemahiran dan Vokasional(TVET), Fakir, Miskin, Bantuan Modal Peralatan

**Abstract:** *The Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) and Zakat Management Agency (AMZ), the Zakat Board and the State Baitulmal are the agencies at the state level responsible for zakat distribution in Malaysia. Among the main functions of the zakat agency in Malaysia is to distribute zakat aid to 8 groups of asnaf including the poor. According to the statistics of the*

*Waqf, Zakat and Hajj Department (JAWHAR) statistics, zakat collection for 2015 in Malaysia is RM2,649,220,187.34 while the distribution of RM2,748,748,491.33 at the Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), the distribution of zakat 2015 for the poor asnaf is RM27,2877,499 compared to the total amount of RM 118,082,517.70. The purpose of the distribution is to implement a program of income earning through the provision of Technical and Vocational Education and Training programs (TVET) such as skills in sewing, grooming, cooking, ironwork, electricity and various courses. In addition, MUIP also provides capital assistance such as tricycles, sewing machines, ovens and so on. This program has successfully increased the income of the asnaf although it can not significantly reduce the number of poor people. Even some of the participants who participated in the program were out of the asnaf and earned income up to RM 20,000.00 per month. Therefore, this study will present the findings of the effectiveness of TVET training and equipment capital assistance to the poor asnaf in Pahang State based on observation and face-to-face interviews with TVET training program participants and equipment beneficiaries. The findings of this study are expected to assist MUIP in addressing poverty and also providing program to generate income of poor asnaf in Pahang.*

**Keywords:** Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Agensi Mengurus Zakat (AMZ), Zakat, Technical and Vocational Education and Training (TVET), Poor, Equipment Capital Assistance

---

## 1. Pendahuluan

Pembasmian kemiskinan adalah merupakan dasar yang diberikan penekanan dalam syariat Islam bagi mewujudkan keadilan sosial terutama dalam agihan kekayaan yang dinikmati oleh setiap individu. Islam melarang konsep kehidupan secara individualisme berdasarkan kapitalis yang mana golongan yang kaya akan bertambah kaya dan golongan miskin akan bertambah miskin. Begitu juga Islam, menentang dasar sosialis yang menidakkan hak pemilikan harta secara individu. Sistem ini akan menyebabkan wujud ketidakadilan dan penindasan terhadap golongan rakyat oleh pemerintah serta mewujudkan masyarakat yang tidak produktif (Normaz, 2009; Afzal Ur Rahman, 1991). Oleh itu, Islam melalui pendekatan *wasatiyah* (kesederhanaan) telah mewujudkan suasana ekonomi yang terkawal dan memberikan keuntungan kepada semua lapisan masyarakat secara adil. Sistem ekonomi Islam lebih bercorak al-falah iaitu mencari keuntungan di dunia dan akhirat. Menurut Affandi Hasan (1992), konsep al-falah ini perlu diterapkan sebagai matlamat utama dalam sistem ekonomi dan masyarakat. Selain itu, antara tujuan utama sistem ekonomi Islam atau muamalat ialah mencari keredhaan Allah (M. Syukri Salleh, 2003).

Antara sistem muamalat Islam yang utama dalam memberikan keseimbangan pengagihan kekayaan yang dimiliki oleh individu kepada golongan yang kurang bernasib baik kerana kemiskinan ialah sistem agihan zakat. Zakat berperanan sebagai instrument yang penting dalam mengimbangi pembangunan material dan kerohanian dalam sistem sosial ekonomi sesebuah negara (Patmawati, 2008). Zakat juga memiliki fungsi yang sangat strategik bagi pengagihan kekayaan dalam sistem ekonomi (al-Arif, 2010).

Melalui agihan zakat ini maka Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat Negeri (AMZ) telah merangka dan melaksanakan program kebajikan dan pembangunan terhadap golongan asnaf terutama fakir dan miskin. Menurut Mujaini (2005), MAIN dan AMZ telah melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan dalam aspek

perkhidmatan kepada masyarakat selaras dengan perkembangan semasa pada hari ini. Penekanan program meningkatkan pendapatan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin iaitu 2 golongan yang utama dalam penekanan agihan zakat adalah sesuatu yang menepati maqasid al-shariah dalam ibadah zakat. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat itu, hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus zakat, para mu'allaf yang dilembutkan hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

Berdasarkan kepada jadual 1, Kutipan zakat di Malaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 2.6 bilion setahun (JAWHAR, 2015). Melalui dana zakat ini, ia dimanfaatkan bagi program pembangunan ekonomi bertujuan meningkatkan taraf ekonomi golongan asnaf melalui penyediaan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan (Patmawati, 2008). Hasil kutipan oleh MAIN dan AMZ maka pelbagai ruang dan peluang telah disediakan untuk golongan asnaf fakir dan miskin bagi menjana pendapatan termasuk melalui latihan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET), bantuan modal dan peralatan.

Terdapat MAIN dan AMZ yang mampu mewujudkan pusat latihan TVET bagi tujuan melatih golongan asnaf terutama golongan muda bagi mendapatkan kemahiran yang setaraf dengan pusat latihan kemahiran kerajaan seperti Institut Kemahiran Mara (IKM), Giatmara, Institut Latihan Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Kolej Komuniti. Antara pusat latihan TVET tersebut ialah Institut Kemahiran Baitulmal dan Kolej Profesional Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Latihan Zakat (PULAZA) milik Lembaga Zakat Pulau Pinang.

**Jadual 1: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia (Sumber: JAWHAR)**

NEGERI	KUTIPAN		AGIHAN	
	2014	2015	2014	2015
Johor	211,218,871.25	239,931,006.61	191,069,510.44	228,362,097.68
Kedah	128,400,303.04	133,954,548.76	110,840,195.47	144,955,284.85
Kelantan	133,321,295.88	161,908,949.42	151,230,993.87	196,744,773.04
Melaka	58,280,964.15	65,968,448.90	57,200,588.16	54,257,825.00
N. Sembilan	88,200,428.43	95,247,317.97	97,785,893.00	96,935,984.93
Pahang	109,325,106.94	118,082,517.70	109,052,421.09	113,421,941.00
Pulau Pinang	87,935,987.80	92,844,818.96	80,098,947.00	101,329,498.13
Perak	114,588,531.29	132,584,966.22	130,316,694.70	164,264,513.67
Perlis	162,327,654.00	158,633,000.00	104,453,705.00	123,570,316.00
Selangor	582,120,473.00	627,225,101.00	595,114,122.00	676,251,478.00
Terengganu	120,116,379.60	126,639,148.45	79,195,981.72	122,041,037.35
Sabah	52,829,145.28	61,795,695.17	64,959,240.44	72,904,222.68
Sarawak	67,319,511.00	68,573,996.00	40,506,983.00	44,984,662.00
W.Persekutuan	540,795,062.34	565,830,672.18	419,225,908.00	608,724,857.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2,456,799,714.00</b>	<b>2,649,220,187.34</b>	<b>2,231,051,183.89</b>	<b>2,748,748,491.33</b>

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah dalam bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif iaitu secara tinjauan dan pemerhatian. Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat berhubung program pembangunan asnaf fakir dan miskin melalui latihan kemahiran dan vokasional (TVET) dan bantuan modal khususnya yang dilaksanakan di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Selain tinjauan terhadap golongan asnaf, sumber maklumat juga diperolehi daripada jurnal, laporan tahunan, majalah dan kertas kerja seminar.

### **Program Peningkatan Pendapatan Golongan Asnaf Fakir Dan Miskin**

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin melalui pelbagai program dengan menyediakan pelbagai skim bantuan terhadap golongan tersebut. Tujuan disediakan skim ini adalah untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi selaras dengan matlamat bantuan zakat menurut maqasid al-shariah iaitu memberikan kesenangan dan kehidupan yang lebih baik kepada golongan asnaf. Bantuan zakat juga diharapkan akan menjadi pemangkin kepada produktiviti dan menghasilkan pendapatan yang mampu meningkatkan taraf kehidupan golongan asnaf fakir dan miskin. (Rosbi, 2011)

Menurut Patmawati (2005), golongan asnaf hendaklah diberikan bantuan dalam bentuk modal dan latihan kemahiran khususnya asnaf yang masih aktif dan berkemampuan untuk berusaha, ini bertujuan supaya mereka mampu berdikari dan keluar daripada kitaran kemiskinan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai contohnya telah menyediakan skim bantuan untuk berdikari seperti bantuan perniagaan, pertanian, perikanan, penternakan, motosikal Orang Kurang Upaya (OKU), deposit sewa beli teksi dan deposit van/ bas sekolah/ lori pikap (perniagaan). Lembaga Zakat Selangor pula antara bantuan meningkatkan pendapatan golongan asnaf fakir miskin ialah bantuan modal perniagaan, perikanan, penternakan, pertanian dan dana amanah miskin (modal berkelompok). Manakala di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Terengganu (MAIDAM) juga menyediakan bantuan untuk meningkatkan pendapatan golongan dibawah skim sektor ekonomi dan keusahawanan iaitu bantuan Bantuan Modal Berdikari/ Perniagaan dan kursus keusahawanan asnaf.

Selain bantuan dalam bentuk modal dan peralatan, MAIN dan AMZ juga menyediakan peluang untuk golongan asnaf fakir dan miskin bagi mendapatkan kemahiran dan latihan secara vokasional secara jangka panjang dan jangka pendek. Kebiasaan kursus dan latihan TVET secara jangka panjang akan disertai oleh golongan anak-anak asnaf manakala kursus dan latihan jangka pendek disediakan untuk golongan penerima bantuan zakat yang terdiri daripada ketua keluarga dan juga pasangannya. Ini sebagaimana yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Perak pada tahun 2019 telah menyediakan pelbagai kursus secara jangka panjang dan pendek di bawah program latihan kemahiran dan pembangunan usahawan iaitu kursus pemasangan dan penyelenggaraan elektrik, kursus pembuatan pastri, kursus penyediaan dan pembuatan makanan, kursus juruteknik perkhidmatan pengendalian darat pesawat, kursus operasi pemesinan, kursus penyemburan cat automotif, kursus pengendalian jentera berat, kursus kimpalan dalam air, kursus juruteknik penyaman udara, kursus automotif selepas jualan, kursus kimpalan, kursus ujian tanpa musnah ( radiography test) dan kursus juruteknik operasi pengacuan suntikan mekanikal pembuatan. Begitu juga di Lembaga Zakat Selangor yang menyediakan program latihan TVET bersama dengan Akademi Binaan Malaysia di bawah program LZS MY Skill dengan tawaran kursus pemasangan perancah (scaffolding), pemasangan paip (tahap tinggi), pemasangan insulasi paip gas, kimpalan 3G, penyaman udara dan pengudaraan mekanikal, lukisan pelan seni bina dan operasi kren bergerak. Selain LZS

turut mengadakan kursus peringkat Sijil Kemahiran Malaysia bersama dengan DK Training & Advance Centre (DTAC) dalam bidang mekatronik.

### **Program Latihan Kemahiran (Tvet) Dan Bantuan Modal Peralatan Di Negeri Pahang**

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), tidak jauh berbeza dengan lain-lain MAIN dalam merancang dan menyediakan skim bantuan kepada golongan asnaf fakir dan miskin bagi tujuan mengeluarkan mereka daripada kategori fakir dan miskin. Skim bantuan zakat juga bertujuan untuk membantu golongan ini untuk terlibat dalam bidang ekonomi dan keusahawanan bagi membantu mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan, menyediakan kehidupan yang selesa dan sejahtera (Zarina, 2012). Oleh kerana MUIP tidak mempunyai pusat latihan tersendiri bagi melatih golongan asnaf maka MUIP telah melaksanakan program kerjasama pintar bersama dengan agensi penyedia latihan kemahiran seperti Giatmara, Kolej Komuniti, Jabatan Perikanan Malaysia, MARDI, Kolej Yayasan Pahang dan termasuk pihak swasta.

Dalam memastikan program latihan kemahiran ini mencapai matlamat menjadikan golongan asnaf sebagai usahawan yang berjaya dan mampu meningkatkan pendapatan untuk kesejahteraan keluarga, maka MUIP hanya memilih kursus atau latihan kemahiran yang akan memberikan hasil dalam pendapatan selepas tamat mengikuti program. Antara kursus yang dianjurkan oleh MUIP sejak lima tahun bermula 2013 ialah kursus jahitan pakaian wanita dan lelaki, masakan, pembuatan pes dan perencah, kuih kering, kek dan pastri, donat dan roti, dandanan dan gunting rambut, pembuatan simen ferro, pembaikan telefon bimbit, perlabelan, pengurusan kewangan dan sebagainya.

Disebabkan oleh kekangan masa dan keperluan menjaga anak yang masih bersekolah maka kebanyakan kursus yang ditawarkan oleh MUIP adalah kursus dalam bentuk jangka pendek dalam tempoh 2 hingga 4 hari dan melibatkan hari cuti iaitu Sabtu dan Ahad. Bagi memastikan kursus yang disertai tidak membebaskan peserta dalam kalangan asnaf, maka MUIP telah menyediakan semua kursus yang ditawarkan secara percuma dan turut dibayar elaun kehadiran dan meninggalkan kerja.

Kebanyakan golongan asnaf mengalami masalah modal dalam memula dan mengembangkan perniagaan. Ini antara faktor yang menyebabkan usahawan dalam kalangan asnaf tidak mampu berdaya saing dan menjadi seorang usahawan yang berjaya. Oleh itu, MUIP telah memberikan bantuan modal dalam bentuk barangan bagi membantu golongan asnaf dalam bidang keusahawanan sama ada dalam bidang jahitan, masakan, kek dan pastri, kimpalan besi, pertukangan besi, dandanan rambut, urutan tradisional dan bekam, bengkel motosikal dan sebagainya.

Kadar bantuan modal yang disumbangkan oleh MUIP terhadap golongan usahawan asnaf ini antara RM500.00 sehingga RM20,000.00 dalam barangan seperti mesin pengadun (mixer), *chiller*, ketuhar, mesin jahit, enjin bot, mesin gergaji, mesin rumput, peralatan bengkel kereta dan motosikal, khemah, kerusi dan meja, *stall burger*, dapur roti canai, motosikal roda 3 dan termasuk juga bantuan untuk membina gerai dan bengkel. Walaupun MUIP menyediakan kemudahan bantuan modal ini kepada golongan asnaf bagi memastikan mereka mampu menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan, terdapat juga di kalangan mereka yang tidak menghargai bantuan yang diterima dengan membiarkan peralatan tidak digunakan atau dijual kepada pihak lain.



Selain menyediakan kursus dan latihan kemahiran vokasional (TVET) kepada golongan asnaf dalam kalangan ketua keluarga, MUIP juga turut menyediakan program untuk anak-anak asnaf supaya mampu berdikari dan membantu keluarga dalam bentuk kewangan. Antara kursus yang dianjurkan ialah kursus dan latihan kemahiran dandan rambut lelaki dan wanita, kimpalan besi, jahitan, kek dan pastri, roti dan bun, urutan tradisional dan bekam, membaiki telefon bimbit, *offshore catering service*, *scaffolding* dan *barista*.

**Jadual 2: Kursus dan Latihan Kemahiran Asnaf Anjuran MUIP (Sumber: Laporan Tahunan MUIP 2014, 2015 dan 2016)**

Tahun	Peserta	Perbelanjaan RM
2013	90 orang	42,221.50
2014	135 orang	146,263.00
2015	92 orang	117,958.00
2016	175 orang	113,519.91
<b>Jumlah</b>	<b>492 orang</b>	<b>419,962.41</b>

**Jadual 3: Bantuan Modal MUIP (Sumber: Laporan Tahunan MUIP 2014, 2015 dan 2016)**

Tahun	Penerima	Perbelanjaan RM
2013	78 orang	157,000.00
2014	124 orang	272,300.00
2015	80 orang	198,700.00
2016	141 orang	317,842.00
<b>Jumlah</b>	<b>423 orang</b>	<b>945,842.00</b>

### Analisa Keberkesanan Program Pembasmian Kemiskinan

Apabila dilihat kepada jadual 2, maka dapat dirumuskan bahawa hanya lebih kurang 13.08% sahaja iaitu seramai 492 orang daripada penerima bantuan bulanan MUIP yang kini berjumlah seramai 3,760 orang yang telah mengikuti kursus dan latihan kemahiran bagi tujuan meningkatkan pendapatan seterusnya mampu untuk keluar daripada kelompok fakir dan miskin. Hasil daripada temu bual bersama dengan pegawai zakat MUIP, maka didapati antara kesukaran dalam menguruskan program kursus dan latihan kemahiran vokasional (TVET) untuk golongan asnaf fakir dan miskin ialah komitmen dan kesediaan menyertai program. Di mana sesetengah penerima bantuan bulanan MUIP terutama golongan lelaki agak sukar menyertai kursus yang dianjurkan berbanding dengan golongan wanita.

Pelbagai alasan yang dikemukakan oleh penerima bantuan untuk tidak menyertai program menjana pendapatan yang dianjurkan MUIP seperti penyakit kronik, menjaga ibu bapa, menjaga anak yang masih kecil, tidak berminat dan sebagainya. Karenah ini sukar dibendung, tambahan lagi MUIP tidak meletakkan sebarang syarat dan tempoh bantuan. Ini memungkinkan penerima bantuan bulanan MUIP berasa selesa dengan bantuan yang diterima dan tidak bersedia untuk berdikari dan menambahkan pendapatan agar terkeluar daripada penerima bantuan bulanan MUIP.

Jadual 3 pula menunjukkan dalam tempoh 4 tahun hanya seramai 423 orang dalam kalangan asnaf yang melibatkan diri dengan bidang keusahawanan melalui bantuan modal dan peralatan yang disumbangkan oleh MUIP. Kebanyakan usahawan ini adalah golongan ibu tunggal dan isteri penerima bantuan bulanan MUIP. Antara karenah dan pemasalahan golongan usahawan ini yang menyukarkan mereka untuk maju dalam bidang keusahawanan ialah bergantung sepenuhnya kepada bantuan MUIP, menyalahgunakan bantuan, kehilangan modal pusingan,

ketiadaan ruang niaga, produk kurang berkualiti, kekurangan pasaran dan promosi, lokasi yang tidak sesuai dan kurang kemahiran menguruskan kewangan.

MUIP juga melaksanakan program pemantauan terhadap penerima bantuan modal dan peserta kursus TVET ini melalui lawatan ke rumah dan juga majlis perjumpaan asnaf bersama MUIP. Program ini bertujuan mendapat maklum balas berhubung perkembangan program keusahawanan dan masalah yang dihadapi serta membantu untuk meningkatkan dan mengembangkan perniagaan. Hasil perjumpaan dan temu bual di daerah Maran, Bera, Jengka dan Rompin telah memberikan maklum balas positif terhadap latihan TVET dan bantuan modal yang diberikan oleh MUIP. Hampir 80% para peserta kursus dan penerima bantuan telah memaklumkan bahawa kursus dan bantuan MUIP telah membantu mereka dalam meningkatkan pendapatan antara RM500.00 hingga ke pendapatan RM20,000.00 sebulan. Malah terdapat dalam kalangan penerima bantuan dan peserta kursus telah mampu untuk mengeluarkan zakat peniagaan dan keluar daripada golongan miskin.

Hasil daripada kejayaan membangunkan asnaf untuk dijadikan sebagai usahawan bagi meningkatkan pendapatan, maka pada tahun 2018, MUIP telah mempromosikan hasil program kursus dan latihan kemahiran TVET ini dengan menganjurkan Karnival Usahawan Asnaf Negeri Pahang buat julung kalinya. Ia telah disertai oleh seramai 109 orang usahawan asnaf dalam pelbagai bidang keusahawanan. Disamping itu, seramai 5 orang usahawan asnaf telah dinobatkan sebagai ikon usahawan asnaf negeri Pahang kerana memperolehi pendapatan antara RM2,500.00 hingga RM20,000.00 sebulan.

### 3. Kesimpulan

Usaha dan perancangan MUIP dan lain-lain MAIN dalam meningkatkan pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin melalui dana zakat dengan mengadakan program kursus TVET dan bantuan modal adalah langkah yang proaktif dan wajar dipertingkatkan, agar lebih ramai golongan asnaf dapat meningkatkan pendapatan dan keluar daripada kolompok kemiskinan. Dana zakat juga diharapkan dapat menjadi pemangkin untuk peningkatan produktiviti masyarakat miskin yang pada akhirnya mereka dapat meningkatkan taraf hidupnya (Ahmad, 2006). Menerusi bantuan dan latihan yang diberikan, asnaf fakir dan miskin diharapkan mampu mengubah diri mereka dan keluarga ke arah yang lebih positif. Tidak dinafikan bahawa perubahan ini sememangnya memerlukan tempoh yang panjang kerana ia melibatkan perubahan sikap dan budaya hidup seseorang terutamanya golongan fakir dan miskin (Abd Rahman, 2006).

### Rujukan

- Abdul Rahman Ahmad. (2006). *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, Alor Star: Human Resources Academy.
- Afzal-Ur-Rahman, (1991), *Doktrin Ekonomi Islam Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mohamed. (2006). *Zakat Sebagai Mekanisme Pembangunan Usahawan di Kalangan Asnaf*. Kertas Ilmiah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Arif, M. Nur Riando, (2010), *Teori Makroekonomi Islam: Konsep, Teori dan Analisis*, Bandung: Alfabeta.
- Idris Zakaria (1991). *Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laporan Tahunan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

- Maymunah Ismail, Siti Mariam Ali, Maizatul Saadiah Mohamad.(2011). Prestasi Zakat dan Agihan Zakat di Negeri Melaka.
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *The Tawhidic Approach In Management And Public Administration: Concepts, Principles And An Alternative Model*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- M. Syukri Salleh. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Selangor: Zebra Editions Sdn.Bhd.
- Mujaini Tarimin.(2005). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mujaini Tarimin (2005). *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Nor Aishah Buang.(2002). *Asas Keusahawanan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Normaz Wana Ismail, (2009). *Pengenalan Kepada Ekonomi*, Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn.Bhd.
- Patmawati Ibrahim (2005). *Potential Role Of Zakat Distribution In Reducing Inequality Among The Muslim Society*, Dalam Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Patmawati Ibrahim (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*. Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Rosbi Abdul Rahman & Sanep Ahmad. (2011). *Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Bantuan Modal Zakat*, Dalam Jurnal Pengurusan 33(2011), 37-44, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor (2012). “Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi”, (Prosiding, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Jilid 2: 1263-1273. <https://www.akademibinaan.com.my/abmweb/index.php/component/rsform/form/7-program-lzs-myskill> <http://www.maiamp.gov.my> maiamp2/index.php/info/berita/1197